

# Pemimpin pelajar sokong kerajaan perlu bersuara

oo/

KUALA LUMPUR, Selasa – Pemuda Umno mahu pemimpin persatuan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang tidak menentang kerajaan, membuat kenyataan terbuka bagi membersihkan pandangan sesetengah pihak yang selama ini menganggap golongan itu lebih cenderung menyokong pembangkang.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, membuat saranan itu berikutan reaksi beberapa persatuan pelajar yang tersinggung dengan kenyataannya yang mendakwa hampir semua pemimpin pelajar menyokong pembangkang.

“Saya bersyukur dengan reaksi pemimpin pelajar

terhadap kenyataan saya sebelum ini,” katanya sambil menjelaskan bahawa kenyataan itu dibuat apabila beliau ditanya pemberita selepas berucap di Kovensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan 2001 di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Semalam, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata kenyataan itu bukan saja menytinggung perasaan pelajar, malah menimbulkan keresahan di kalangan ibu bapa serta akan mengeruhkan lagi hubungan pelajar dan kerajaan.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan,

berkata Pemuda Umno sedia membantu persatuan mahasiswa menganjurkan kegiatan bersama, sekiranya mereka benar-benar iltizam untuk berbakti kepada pelajar dan masyarakat.

“Ada pelbagai kegiatan yang boleh diselaraskan dengan Biro Pendidikan Pemuda untuk membolehkan mereka bergerak pada landasan betul tanpa menutup sokongan terhadap kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, Pengurus Biro Pendidikan Pemuda, Dr Adham Baba, juga banyak mendampingi pelajar dan pelbagai kegiatan boleh dianjurkan bersama antara pergerakan itu dengan persatuan pelajar.

Mengulas penubuhan Akademi Kepimpinan Pemuda, Hishammuddin berkata, pergerakan itu sedang menyiapkan modul latihan dan dijangka siap akhir tahun depan.

“Akademi ini tidak boleh ditubuhkan dalam tempoh singkat. Ia mengambil masa dan dijangka siap sebelum penggal perkhidmatan (selama tiga tahun) habis.

“Kita mahu memastikan atas penubuhan akademi ini benar-benar mantap kerana ia akan melatih Pemuda yang bakal meneraju pergerakan dan negara pada masa depan,” katanya.

Mengenai pertemuan Umno-Pas, beliau berkata, semua pihak perlu



HISHAMMUDDIN

memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin bertemu dan mencari pendekatan untuk menyatukan orang Melayu.

“Semua pihak perlu tunggu dan lihat. Usaha ini adalah satu pendekatan terbaik untuk menyatukan semula orang Melayu dan boleh menjadi model kepada tenterasi muda,” katanya.